

PENGECUALIAN DUTI/CUKAI KEATAS KELUARAN SIAP YANG DIIMPORT SEMULA SELEPAS TEMPOH SATU TAHUN

Syarikat yang telah mengeksport keluaran siapnya adalah dibenarkan untuk mengimport semula keluaran berkenaan jika sekiranya keluaran tersebut didapati menghadapi masalah kualiti yang tidak mencapai spesifikasi yang diperlukan oleh negara pengimport. Berdasarkan kepada kemudahan yang sediada dibawah Akta Kastam 1967, barangan berkenaan perlulah diimport semula dalam tempoh satu tahun daripada tarikh ianya dieksport. Jika sekiranya barangan berkenaan diimport semula selepas tempoh satu tahun, syarikat pemohon boleh mengemukakan permohonan kepada Perbendaharaan tetapi pertimbangan adalah diberi secara 'ad hoc' dan mengikut merit sesuatu kes.

Cara Memohon

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Analisa Cukai, Perbendaharaan Malaysia, Tingkat 6 Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, 62592 Putrajaya dengan memberikan butiran yang lengkap berhubung barangan yang akan diimport semula. Antara lain butiran yang perlu dimaklumkan kepada Perbendaharaan adalah seperti berikut:

- diskripsi barangan dan tarikh eksport (sertakan salinan borang Kastam K2)
- nyatakan mengapa barangan berkenaan perlu diimport semula (kepilkan sampel)
- nyatakan alasan mengenai kelewatan syarikat mengimport semula barangan berkenaan
- jumlah kuantiti yang akan diimport semula dan jumlah duti/cukai yang terlibat

Jangkamasa Pemerosesan

Keputusan permohonan syarikat akan disampaikan dalam tempoh 30 hari selepas menerima maklumat selengkapnya.

Pegawai Yang Dirujuk

Pertanyaan mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada pegawai yang menjaga industri berkaitan atau yang menandatangani surat pengecualian syarikat.